

KES BUANG BAYI 2015

■ 20 MAC

Sungai Petani: Mayat bayi lelaki yang baru dilahirkan dua hari ditemui dalam tin biskut di sebuah pusat perlindungan wanita di Jalan Sungai Layar.

■ 3 MEI

Perai: Masih ada individu yang tidak berhati perut sanggup membuang bayi dengan menyumbatnya ke dalam plastik sampah sebelum ditinggalkan di depan Masjid Al Hidayah, Jalan Baru, Permatang Pauh.

■ 3 MEI

Tampin: Penyelia sebuah stesen minyak menemui seorang bayi dibuang dalam tandas wanita di premis itu. Bayi terbabit masih hidup ketika ditemui, namun itu meninggal dunia dipercayai lemas ketika dibawa ke sebuah klinik berhampiran.

■ 4 MEI

Kota Tinggi: Seorang wanita sanggup mencampak bayi lelaki yang baru dilahirkan ke dalam longkang di belakang rumah saudara di FELDA Lok Heng, di sini, Jumaat lalu, dalam usaha mengelak rahsia dia mengandung tanpa ikatan perkahwinan diketahui keluarga.

■ 5 MEI

Baling: Suara tangisan disangkakan anak kucing dalam semak di Kampung Charok Kapas, dekat Kuala Pegang, rupa-rupanya tangisan bayi yang

KES-KES buang bayi yang pernah dilaporkan Harian Metro.



'SAYA MENANGGIS HIBA'

■ Wanita dihantui rasa dosa setiap kali baca kes

dibuang.
Bayi lelaki yang masih bertali pusat itu ditemui kira-kira jam 2 pagi di kawasan pokok pisang berhampiran sebuah rumah selepas sepasukan anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang ketika itu menjalankan rondaan mendengar suara tangisan yang mencurigakan.

12 MEI

Johor Bahru: Kelahiran dan kematiannya bukan setakat disembunyikan, malah mayat seorang bayi baru dilahirkan dizalimi apabila dikerat-kerat dan dibuang menerusi lubang tandas sebelum 15 daripada keratan terbabit ditemui dalam loji kumbahan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kempas Permai.

12 MEI

Georgetown: Mayat bayi kembar perempuan ditemui ditinggalkan dalam sebuah almari kayu berhampiran tangga pangsapuri Kompleks Mutiara di Jalan Patani.

16 MEI

Miri: Tangisan bayi dari sebuah bilik asrama sebuah sekolah di bandar raya membongkar rahsia kelahiran bayi perempuan masih bertali pusat yang dilahirkan seorang pelajar tingkatan tiga hingga menggemparkan pengurusan sekolah berkenaan.



SUHAILA kini menyesali perbuatannya.





Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin, Muhaamad Hafis Nawawi, Fardy Bungga dan Nabihah Kamal
am@hmetro.com.my
Kajang

Tiga tahun sudah berlalu, tapi tindakannya membuang bayi luar nikah yang baru dilahirkan masih mengganggu fikirannya sehingga kini dan mungkin akan berkekalan hingga ke akhir hayat.

“Setiap kali membaca berita kes pembuangan bayi di akhbar, saya menangis hiba. Rasa berdosa itu takkan hilang selama-lamanya,” kata wanita mahu dikenali sebagai Suhaila, 26 yang pernah melakukan jenayah keji itu.

Menurutnya, dia masih dihantui rasa berdosa sehingga kini walaupun bayi itu sudah diselamatkan jemaah sebuah masjid di Cheras, dekat sini, sebelum diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat

kahwinan, namun lelaki itu memberi pelbagai alasan dan pada masa sama meneruskan hubungan intim itu.

“Belum sempat ‘rombongan’ pinangan sampai ke rumah, saya sudah melahirkan anak luar nikah di dalam tandas di rumah sewa didiami bersama rakan kilang.

“Ketika itu timbul 1,001 idea jahat pujukan syaitan bagi menyembunyikan dosa itu antaranya membuang bayi itu di pusat pembuangan sampah, menyembunyikannya di dalam kotak sebelum diletak di depan tangga lif selain meninggalkannya di hospital,”katanya.

Dia bagaimanapun mengambil keputusan meninggalkan bayi itu di tangga masjid selepas bayi itu dibalut dengan kain batik dan dimasukkan ke dalam beg.

“Saya tidak berniat untuk bunuh bayi itu. Saya cuba harap ada orang yang jumpa dan serahkan bayi itu kepada pi-

8 bayi setiap bulan

Kuala Lumpur: Purata lapan bayi dibuang setiap bulan. Itu trend membimbangkan membabitkan segelintir ibu muda yang tergamak membuang zuriat sendiri dengan majoriti kes membabitkan anak tak sah taraf.

Secara keseluruhan, seramai 224 bayi tidak berdos dibuang atau dibunuh ibu kandung sejak tahun 2013 hingga April tahun ini di seluruh negara.

Malah, lebih 69 peratus atau 155 bayi yang dibuang itu disahkan mati termasuk ada antaranya sudah dimakan haiwan berdasarkan statistik dikeluarkan Bahagian Siasatan Seksual, Wanita/ Kanak-kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman.

“Bagi menutup kesalahan selain enggan bertanggungjawab, anak dilahirkan itu dibuang di lorong gelap, dalam tong sampah, dicampak ke sungai, ditinggalkan di kawasan perumahan dan masjid.

“Statistik pembuangan bayi di seluruh negara bagi tahun 2013 mendapati seramai 90 bayi dibuang ibu bapa mereka sementara jumlah itu meningkat kepada 103 mangsa pada tahun 2014,” katanya.

Menurutnya, perangkaan terbaru pula menunjukkan seramai 31 bayi dibuang antara Januari hingga April lalu.

“Lebih menyedihkan apabila sejumlah 155 bayi ditemui dalam keadaan mati manakala hanya 69



Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“Waktu membuang bayi itu di pintu masjid saya tidak sedih, tapi selepas pulang ke rumah saya menyesal dan tidak boleh tidur. Saya tekad akan mencari anak yang saya buang itu satu hari nanti,”katanya.

Dia yang kini dihantar ahli keluarga menjalani pemulihan dan mendalami ilmu agama di sebuah pusat pemulihan di Kajang mengakui terlanjur dengan kekasihnya selepas dijanjikan untuk bernikah.

Menurutnya, dia kerap mendesak kekasihnya supaya mempercepatkan proses per-

serikan bayi itu kepada pihak JKJ. Sebelum meninggalkan bayi itu, saya sempat menciumnya,”katanya.

Jenayah yang dilakukan jam 4 pagi, Mei 2012 itu bagaimanapun berjaya dihidu polis sebelum dia ditahan dan dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur.

“Majistret menjatuhkan hukuman 18 bulan penjara terhadap saya sebelum saya ditahan di Penjara Kajang. Sebaik dibebaskan, saya dihantar ke pusat pemulihan ini untuk mendalami agama dan menghafaz al-Quran,”katanya.

Pegawai Penyiasat (P1) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Asisten Superintendan Yusnany Yusop berkata, perbuatan kejam itu dilakukan ibu bapa mangsa berusia sekitar antara 18 tahun hingga 25 tahun ke atas.

Menurutnya, jenayah pembuangan bayi ini berlaku berikutan sikap segelintir masyarakat yang terlalu ghairah mengejar keseronokan hingga menyebabkan mereka terlanjur dan mengandung anak luar nikah.

malau mautnya hanya orang masih hidup dan berjaya diselamatkan.

“Suspek biasanya akan membuang bayi mereka di beberapa lokasi [popular] seperti kawasan perumahan, masjid atau surau, tandas, tepi bangunan, sungai, hentian bas, sekolah, asrama dan sebagainya.

“Lebih menyedihkan apabila bayi yang dibuang itu ditemui mati di tandas atau loji kumbahan, tempat pembuangan sampah, tapak binaan, belukar dan sebagainya,” katanya.

Bayi ditemui masih bertali pusat

Sungai Siput: Seorang bayi lelaki yang masih bertali pusat ditemui ditinggalkan berhampiran rumah seorang penduduk di Kampung Sungai Siput di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 7.10 pagi, bayi yang hanya dibungkus dengan itu selimut ditemui seorang penduduk yang dalam perjalanan menghantar anaknya ke sekolah.

Ketua Polis Daerah Sungai Siput Superintendan Wan Jamil Wan Chik berkata, seorang

penduduk berjalan melintasi tepi lorong rumahnya sebelum terdengar tangisan dan esakan bayi sebelum menemui bayi lelaki di sekitar kawasan semak.

Menurutnya, polis sudah mengambil keterangan saksi dan membawa bayi berkulit gelap itu untuk tindakan lanjut.

“Bayi itu dibawa ke hospital bagi memotong tali pusat sementara uri dan sampel darah juga diberikan kepada pega-

wai penyiasat,” katanya.

Beliau berkata, siasatan lanjut masih dijalankan dan kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dipenjara tujuh tahun atau denda atau kedua-dua sekali.

Menurutnya, sehingga kini bayi berkenaan diletakkan di bawah jagaan hospital sementara menunggu tindakan lanjut daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perak.

Sementara itu, Pengarah JKJ Perak Rosmawati Ishak ketika dihubungi berkata, pihaknya akan mengambil tindakan susulan berhubung penemuan bayi malang itu.

“Setakat ini, bayi itu akan ditempatkan di hospital untuk pemeriksaan kesihatan dan kami akan mendapatkan perintah mahkamah yang memberikan hak perlindungan sementara kepada JKJ untuk penjagaan bayi berkenaan,” katanya.

